Dr
Mohd Yahya Mohd Ariffin

(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Zakat pendapatan golongan berkerjaya

Selain kewajipan berpuasa, ketibaan Ramadan bermakna wajib bagi umat Islam termasuk mereka yang berkerjaya mengeluarkan zakat fitrah untuk diri dan tanggungan masing-masing.

Institusi pungutan zakat di setiap negeri dan Wilayah Persekutuan telah memudahkan cara pembayaran zakat fitrah melalui amil yang dilantik dan ditempatkan seperti masjid, surau serta kawasan tumpuan umat Islam.

Lebih menarik, pihak Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya memperkenalkan bayaran zakat itu melalui kaunter pandu lalu. Kaedah itu tentunya memudahkan orang ramai yang sibuk dengan urusan masing-masing untuk berzakat fitrah.

Oleh itu, tidak ada alasan untuk tidak membayarnya kerana kemudahan yang disediakan selain kadarnya yang rendah. Terdapat pelbagai jenis zakat yang diwajibkan ke atas umat Islam iaitu zakat tanaman, perniagaan, wang simpanan, emas/perak, ternakan, harta, pendapatan, saham, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan qadha zakat selain zakat fitrah.

Allah mewajibkan zakat ke atas umat Islam yang berkemampuan dan sebaiknya dipercepat urusan itu bagi mengelak daripada sesuatu yang menghalangnya.

Menurut Imam al-Ghazali dalam Ihya' Ulumuddin, antara tugas mengeluarkan zakat ialah menyegerakan pengeluarannya sebelum waktu kewajipannya kerana melahirkan rasa kesenangan diri, untuk menjunjungi perintah Allah, dan disebabkan keinginan untuk menimbulkan rasa kegembiraan dalam hati fakir miskin.

Mengambil roh Ramadan ini, penulis ingin memperkatakan mengenai pengeluaran zakat pendapatan dalam konteks kerjaya. Mereka yang berkerjaya tetap diwajibkan mengeluarkan zakat pendapatan apabila cukup syarat-syaratnya.

Bagi memudahkan pekerja menunaikan tanggungjawab itu, institusi pungutan zakat di negara ini menyediakan pelbagai kaedah seperti bayaran di kaunter zakat di ibu pejabat atau cawangan, potongan gaji secara bulanan, perbankan Internet, mesin ATM, kaunter bank dan Pos Malaysia.

Baru-baru ini, Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melancarkan skim potongan gaji zakat secara dalam talian. Pekerja hanya perlu melayari www.zakat.com.my untuk mengisi borang pengeluaran zakat, manakala selanjutnya diuruskan oleh PPZ dengan majikan masing-masing.

Pengeluaran zakat bakal mendapat ganjaran di akhirat serta di dunia. Allah menjanjikan ganjaran kepada mereka yang menunaikan Rukun Islam itu seperti firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 110 bermaksud: "Dirikanlah sembahyang dan keluarkanlah zakat. Dan segala kebaikan yang kamu kerjakan untuk dirimu, kamu akan mendapatkannnya (pahala) di sisi Allah. Sungguh, Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan."

Pengeluaran zakat pendapatan turut mendapat ganjaran di dunia iaitu layak mendapat rebat ke atas pendapatan bercukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri seperti termaktub dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 Seksyen 6A (3).

Selain itu, pekerja akan berasa lebih tenang kerana telah membersihkan pendapatan bulanan selepas ditolak sebanyak 2.5 peratus yang menjadi hak asnaf yang lapan.

Jika masih belum berbuat demikian, maka jadikan Ramadan ini sebagai titik permulaan untuk mengeluarkan zakat pendapatan secara potongan bulanan atau secara keseluruhan. Dengan kata lain, "Ingat Ramadan, Ingat Zakat."

Graduan yang baru bekerja atau akan memulakan kerjaya masing-masing perlu terlebih dulu memastikan 2.5 peratus daripada gaji bulanan kasar diperuntukkan untuk zakat sebelum memenuhi keperluan asas lain.

Berdasarkan Jadual 1, terdapat dua kaedah yang boleh dipilih dalam pengiraan zakat pendapatan iaitu sebanyak 2.5 peratus atas semua pendapatan kasar atau 2.5 peratus atas semua pendapatan setelah ditolak had kifayah dan tolakan yang dibenarkan seperti diri sendiri, isteri, ibu bapa, anak-anak, caruman KWSP dan Tabung Haji.

Untuk mendapatkan jadual lengkap potongan zakat pendapatan bulanan pembaca boleh layari www.e-zakat.com.my.

Nota: Pekerja yang jumlah bayarannya berwarna merah adalah tidak wajib zakat, tetapi digalakkan bersedekah. Jumlah tidak semestinya mengikut kadar jadual ini, tetapi boleh ditentukan oleh pekerja itu sendiri.

INFO

Jadual 1: Contoh potongan zakat pendapatan bulanan

Pendapatan kasar bulanan (julat gaji)	Kaedah tanpa tolakan (Lelaki/ Perempuan)	Kaedah tolakan dengan had kifayah (Perempuan bujang/kahwin)	Kaedah dengan tolakan had kifayah (berkahwin)	Kaedah dengan tolakan had kifayah (berkahwin anak satu)	Kaedah dengan tolakan had kifayah (berkahwin anak dua)
RM2001-2100	53	24	14	10	6
RM2101-2200	55	27	16	12	8
RM2201-2300	58	29	18	14	10
RM2301-2400	60	31	21	16	12
RM2401-2500	63	33	23	19	15

Sumber: www.e-zakat.com.my